



cfa.vic.gov.au/languages



**Bolehkah saya
menyalakan
unggun api?**

Sebelum anda menyalaakan unggun api, semak dahulu:

- **Adakah Tempoh Bahaya Kebakaran (Fire Danger Period) sedang berkuatkuasa?**
- **Adakah Larangan Penuh Melakukan Pembakaran (Total Fire Ban Day) telah diisytiharkan?**

Peraturan tentang unggun api boleh berubah bergantung kepada masa dan tempat anda berhemah.



Tempoh Bahaya Kebakaran (Fire Danger Periods)

Semasa Tempoh Bahaya Kebakaran (Fire Danger Period) anda tidak boleh menyalaakan unggun api melainkan anda menyemak peraturan ini.

- Angin mestilah kurang daripada 10 km/j. Jika daun bergerak ditiup angin, jangan nyalaakan api.
- Api unggun mesti dinyalakan dalam:
 - perapian yang dibina dengan betul daripada batu, logam atau konkrit.
 - atau parit sekurang-kurangnya 30cm dalam.
- Api unggun besarnya mestilah tidak melebihi 1 meter kali 1 meter
- Kawasan 3 meter di sekeliling dan di atas unggun api mestilah bebas daripada apa-apa benda yang mudah terbakar.
- Jangan biarkan api begitu sahaja. Seseorang yang berkeupayaan untuk memadamkan api hendaklah sentiasa berada di tepi api.
- Api unggun mesti dipadamkan sepenuhnya dengan air sebelum anda meninggalkan tempat tersebut.

Jika anda berada di Hutan Negeri atau Taman Negara, kemungkinan terdapat peraturan lain yang perlu anda ketahui.



Tempoh Larangan Penuh Melakukan Pembakaran (Total Fire Ban Days)

Semasa tempoh Larangan Penuh Melakukan Pembakaran (Total Fire Ban Days), anda tidak boleh menyalaakan unggun api

Lawati cfa.vic.gov.au/languages



Imbas kod QR untuk mengetahui lebih lanjut.
**Bersama-sama kita boleh kekal selamat
daripada kebakaran.**